

SURAT AKU JANJI

Saya
No. Kad Pengenalan Tahun/Program.....

No. Matrik: dengan sesungguhnya dan sebenarnya akan berjanji bahawa saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan dalam ilmu dan akan sentiasa mempertingkatkan budi pekerti yang mulia, Saya akan mematuhi semua undang-undang, statut, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Kelantan ("Universiti"), yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi seorang pelajar universiti. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain:-

- a) akan mematuhi subseksyen 15(1)(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], untuk tidak menjadi ahli, atau Cuma dengan apa-apa cara bersekutu dengan mana-mana parti politik, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang telah ditetapkan oleh Menteri. Selepas berunding dengan lembaga secara bertulis kepada Naib Canselor sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti itu.
- b) akan mematuhi subseksyen 15 (5) (6) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) untuk tidak menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia atau mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Menteri sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar kecuali membuat penyertaan mengenai sesuatu perkara yang berhubungan dengan perkara yang disebut pada sesuatu atau seminar atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana parti politik, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau di mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetepkam oleh Menteri sebaagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesejahteraan pelajar atau universiti itu.
- c) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tattertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuklah
 - i) tidak akan melanggar peruntukan berhubung dengan larangan am, yang antara lain termasuklah:-
 - (a) Tidak akan merosakkan atau memudaratkan kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti
 - (b) Tidak akan merosakkan atau memudaratkan ketenteraman, kesejahteraan atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib; dan
 - (c) Tidak akan melanggar apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam kampus atau luar kampus;
 - ii) Peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, sekatan tentang penggunaan teks kuliah dan plagiarisme;

- iii) Peruntukan berkenaan dengan peperiksaan dan kelakuan pelajar semasa peperiksaan dijalankan;
 - iv) Peruntukan berkenaan dengan perhimpunan, penggunaan pembesar suara dan sepanduk
 - v) Peruntukan berkenaan dengan kegiatan pelajar di luar kampus dan penglibatan pelajar dalam bidang pekerjaan
 - vi) Peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum dan memiliki minuman keras, berkelakuan tidak senonoh, merokok, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun; dan
 - vii) Peruntukan berkenaan dengan kebersihan di dalam kampus dan pakaian pelajar;
- d) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (Tatertib Pelajar-Pelajar) 2009; dan
- e) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib lalu lintas jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (Tatertib Pelajar-Pelajar) 2009;

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan tersebut, maka Tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, statut, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan berkenaan termasuklah dibuang daripada Universiti.

.....

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar :

No. Matrik :

Tahun/ Program :

.....

#Tandatangan Saksi Pelajar

Nama :

Jawatan :

#Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)/ Dekan Fakulti